

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

SOALAN NO. 236

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan, status, kos, dan pencapaian projek sistem solar hybrid bagi sekolah-sekolah luar bandar Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa projek sistem solar hybrid bagi sekolah-sekolah luar bandar di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini merupakan penyelesaian yang paling optimum untuk kawasan yang tiada bekalan elektrik 24 jam bagi menggantikan sistem jana kuasa diesel sedia ada yang tidak efisien dan hanya mampu untuk beroperasi selama kira-kira enam (6) jam sehari sahaja.

Sehingga kini, sistem solar hybrid ini masih beroperasi di 18 buah sekolah luar bandar di negeri Kelantan, Perak, Johor dan Pahang. Bermula 1 November 2016 sehingga 31 Oktober 2018, KPM telah melaksanakan sendiri penyelenggaraan sistem solar hybrid di sekolah-sekolah tersebut dengan kos berjumlah RM11.99 juta. Selepas tarikh tersebut, kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan oleh JKR Malaysia dengan kos berjumlah RM10.4 juta. Seperti yang dijadualkan, peratus kemajuan kerja-kerja penyelenggaraan sehingga 21 Februari 2019 adalah sebanyak 13 peratus.

Dengan inisiatif projek ini secara tidak langsung sekolah-sekolah di kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia dapat memanfaatkan teknologi tenaga boleh baharu daripada Sistem Solar Hybrid seterusnya dapat mengurangkan kos penyelenggaraan berbanding sistem jana kuasa diesel.RT32/234